

27 SEP 2001

Mahathir-Doktor Pergigian

IMBANGI KEPERLUAN INDIVIDU DAN MASYARAKAT, KATA PM KEPADA DOKTOR PERGIGIAN

KUALA LUMPUR, 27 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini mengingatkan doktor-doktor pergigian supaya tidak melupakan rawatan asas kepada masyarakat dalam usaha mereka untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada pesakit individu.

"Keperluan melakukan yang terbaik kepada pesakit perlu dibajai dengan keprihatinan menyediakan rawatan asas kepada rakyat," katanya semasa merasmikan Kongres Doktor Pergigian Sedunia 2001 Federation Dentaire Internationale ke-89 di Stadium Putra, Bukit Jalil di sini malam ini.

Katanya, perhatian berlebihan kepada rawatan individu boleh mengherot-benyotkan perhatian profesional perubatan kepada kepentingan masyarakat.

Pergigian serupa dengan perubatan, ia berkisar antara perhubungan doktor pergigian dan pesakit, dan kesihatan pesakit individu adalah keutamaan dalam etika dan amalan profesional kesihatan oral, katanya.

"Bagaimanapun, sementara keperluan individu dan populasi sering bertembung, ia juga ada kala mencapah, individu mahukan teknologi terbaharu yang menelan kos yang tinggi.

"Ini boleh menjadi dilema kepada ramai profesional perubatan di mana-mana masyarakat," katanya.

Dr Mahathir berkata inovasi teknologi juga telah mengubah kebiasaan perhubungan antara doktor pergigian dan pesakit dengan pesakit kini mahukan maklumat dan membuat permintaan sendiri berhubung rawatan.

"Mereka mencabar kredibiliti profesional, latihan dan kepercayaannya...mereka meminta hak untuk mengetahui," katanya.

Katanya, waktu di mana "profesional lebih mengetahui" sedang menuju penamat.

"Jika pada tahap individu, perkara ini tidak dikawal dengan baik, akan berlaku hakisan kepercayaan umum terhadap motif profesion berkenaan," katanya.

Golongan profesional moden bukan sahaja dibanjiri dengan teknologi yang perlu dikuasai tetapi ditenggelami dengan perubahan kehendak pengguna yang mahukan perkembangan maklumat terkini, kata Dr Mahathir.

"Berdepan dengan cabaran-cabaran ini, golongan profesional moden perlu mengukuh dan menggabungkan tekad berpegang kepada etika dan profesionalisma," katanya.

Dr Mahathir berkata pada zaman ini, teknologi menyediakan peluang kepada orang ramai untuk mendapatkan maklumat mengenai perubatan.

Maka, setiap profesion boleh memaksimumkan peluang ini untuk menyebarkan dan berkongsi maklumat bagi kepentingan kemajuan profesional terbabit, katanya.

"Juga menjadi kewajipan mana-mana profesion untuk memupuk kemajuan dan menjaga kredibilitinya," tambahnya.

-- BERNAMA

HK KHY RYN MOZ